

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (KUALA SELANGOR.TANJUNG KARANG)

TARIKH: 13 MAC 2018

MUKA SURAT: 35



Abdul Basar (tengah) bergambar bersama penduduk.

## *Kerjasama perangai denggi*

**TAMANKASAWARI** - Tidak mahu taman perumahan diancam wabak denggi, penduduk bekerjasama dengan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Selangor membersihkan kawasan setempat.

Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) Taman Kasawari, Abdul Basar Sulaiman menjelaskan, program gotong-royong itu sebagai inisiatif penduduk membersihkan longkang dan sampah sarap.

"Kami tak mahu insiden wabak denggi berulang di kawasan ini dan yang penting, penduduk bekerjasama membersihkan taman perumahan ini tanpa mengira perbezaan fahaman politik.

"Yang penting sekali adalah kebersihan kerana kami tak mahu ada longkang

tersumbat dan sampah berselerak yang menjadi habitat nyamuk aedes," katanya kepada Sinar Harian.

Abdul Basar berterima kasih kepada MDKS dan BBP Kuala Selangor yang sudi membantu menjayakan program gotong-royong ini sekali gus mengaktifkan penduduk setempat.

"JKP merancang banyak program untuk penduduk supaya mereka dapat bersama menjayakan aktiviti kemasyarakatan dan yang penting dapat mengeratkan lagi hubungan kejiiran.

"Sudah menjadi harapan saya untuk memastikan taman perumahan ini bersih dan terhindar dari wabak denggi malah program lain akan dirancang dari masa ke semasa," katanya.